Buletin
thequeen
Siri 1/14 | April 2014
Quality for Effective and Efficient Navy

- Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pahang
- 'Deep Orange Circle'
- Corporal Punishment?

PEREKAYASAAN & INOVASI MAWILLA 1

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
SEDIA BERKORBAN

IDEAS DO NOT COME TO THOSE WHO WAIT,

THEY COME TO THOSE WHO INNOVATE

KANDUNGAN

Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pahang 3
Perekayasaan & Inovasi MAWILLA 1 5
'Deep Orange Circle' 6
Pencapaian Sistem Pengurusan Kualiti 2013 7
Struktur Baru AITL Semarakkan Budaya Inovasi 9
Peranan Anda: Perbelanjaan Berhemat 11
Tim Khusus Penggerak SPS 13
The QUEEN Review 15
Learning English 20
Corporal Punishment? 24
Gunalah e-Aduan 28
Sistem Biometrik 29
Penjagaan Kesihatan Mata 31
Peranan Ibu Bapa Menangani Masalah Sosial Remaja 35

PENASIHAT
Laksda Dato' Anuwar bin Mad Said

KETUA PENYUNTING
Kept Ganesh Navaratnam TLDM

PENOLONG KETUA PENYUNTING
Kdr Farizan bin Hussain TLDM
Kdr Gan Chin Keat TLDM

PENYUNTING
Lt Kdr Saharudin bin Bongsu TLDM
Lt Kdr Abdul Hadi bin Mohd Kasim TLDM
Lt Mohamed Muzaffar Shah bin Raja Mohamed TLDM
BM TMK Amran bin Md Julis
LK PNK Ahmad Alphanizam bin Ahmad Tamrad

PENYELARAS
Lt Kdr Chuah Lewkern TLDM

Buletin *The QUEEN* diterbitkan 3 kali setahun oleh Bahagian Pengurusan Strategik, Markas Tentera Laut. Pembaca dialu-alukan untuk menyumbang artikel berbentuk perkongsian maklumat, pengajaran dan pembelajaran yang boleh memberi manfaat kepada warga TLDM. Sebarang artikel boleh dihantarkan ke MK TL – BPS sama ada melalui surat atau e-mel seperti alamat di bawah:

Penerbit Buletin The QUEEN
Markas Tentera Laut
Bahagian Pengurusan Strategik
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
Tel: 03-20714583
Faks: 03-26929407
E-mel: thequeen@navy.mil.my

بسم الله الرحمن الرحيم

LAKSAMANA MUDA DATO' ANUWAR BIN MAD SAID

AKS PENGURUSAN STRATEGIK

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah S.W.T, kerana dengan izinNya kita dapat bersua kembali di keluaran Buletin *The Queen* Siri 1/14 ini. Untuk makluman, mulai keluaran ini, satu tim baru telah dilantik untuk mengendali penerbitan Buletin *The Queen*. Diharapkan perubahan ini dapat memberi para pembaca suatu pengalaman pembacaan yang baru dan segar.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa kami sedang giat membuat persiapan untuk pertandingan inovasi tahun ini, iaitu pertandingan akhir Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KKI) untuk Anugerah Inovasi Tentera Laut 2014 dan pertandingan akhir Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kementerian Pertahanan 2014. Diharapkan pemenang peringkat TLDM kali ini akan mencapai kegemilangan dan seterusnya mengharumkan nama perkhidmatan di peringkat yang lebih tinggi lagi. Kesungguhan dan kecemerlangan yang ditunjukkan wajar menjadi pemangkin kepada yang lain untuk terus berusaha mencungkil idea inovasi yang baru dan berimpak tinggi.

Edisi Buletin *The Queen* kali ini memberi fokus kepada perekayasaan dan inovasi yang dilaksanakan di Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) sepanjang tahun 2013. Pelbagai kesan positif telah diperolehi hasil daripada usaha warga MAWILLA 1. Saya berharap usaha mereka ini dapat menjadi pendorong kepada warga TLDM yang lain untuk menambah baik segala proses kerja agar menjadi lebih produktif. Selain itu, sekalung tahniah diucapkan kepada SKTLDM Kuantan kerana berjaya mengharumkan nama TLDM dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Negeri Pahang. Hayatilah projek mereka dengan lebih mendalam dalam edisi kali ini.

Akhir kata, saya menyeru agar semua warga *The Navy People* terus mencurahkan segala usaha, bakti dan idea dalam mendukung hasrat pucuk Pimpinan Tertinggi TLDM untuk mencapai matlamat ke arah *World Class Navy.*

Selamat Berinovasi dan Sedia Berkorban!

KEPT GANESH NAVARATNAM TLDM
PENGARAH PENGURUSAN STRATEGIK

Salam sejahtera kepada semua warga *The Navy People* dan selamat bertemu kembali dalam Buletin *The QUEEN* Siri 1/14.

Pihak penerbitan memulakan tahun 2014 dengan memberi tumpuan terhadap maklum balas para pembaca buletin ini. Kami telah mengumpul dan menganalisis maklum balas yang diterima daripada semua warga TLDM. Pelbagai pandangan dan idea telah diterima dan kami akan jadikannya iltizam untuk memantapkan lagi Buletin *The QUEEN.* Namun, kami terpaksa juga menerangkan sebab beberapa idea yang diberi tidak dapat direalisasikan. Semua maklumat tersebut diterangkan di muka surat 15.

Warga kapal selam tidak ketinggalan dalam menyumbangkan idea yang diamalkan oleh mereka sebagai langkah penambahbaikan berterusan. '*Deep Orange Circle*' di muka surat 6 menceritakan inisiatif mereka dalam meningkatkan lagi kecekapan berkaitan aset termoden perkhidmatan TLDM. Perkongsian maklumat seperti ini penting dan warga TLDM yang mengamalkan proses kerja yang khusus digalakkan supaya berkongsi dengan rakan-rakan kita yang lain.

Tanpa kita sedari, penggal pertama 2014 telah pun berlalu. Selain daripada menumpukan perhatian kita kepada tugas dan tanggungjawab di tempat kerja, kesihatan warga TLDM juga perlu diberi tumpuan. Penerbitan kali ini membincangkan penjagaan kesihatan mata hasil perkongsian daripada KD MAHAWANGSA. Hayatilah artikel tersebut, diharapkan sedikit sebanyak faedah dapat diperolehi daripadanya.

Oh, our English! Pelbagai kursus Bahasa Inggeris sedang dijalankan untuk warga TLDM. *The QUEEN* amat bernasib baik kerana mendapat sumbangan artikel daripada salah seorang peserta kursus tersebut. Kita perlu memberi galakkan kepada rakan-rakan kita supaya saling bertutur dalam Bahasa Inggeris terutamanya pada *English Day* sesuai pepatah, *practice makes perfect*!

Semoga artikel-artikel dalam keluaran siri ini dapat membantu anda dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada *The Navy People* kerana telah menyokong Bahagian Pengurusan Strategik dengan menyumbangkan artikel-artikel berfaedah untuk dikongsi bersama. Sekian, selamat membaca!

KONVENSYEN KIK PERINGKAT NEGERI PAHANG

Oleh: Lt Mohd Fauzi bin Othman TLDM
SKTLDM Kuantan

Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pahang Ke - 29 yang telah diadakan pada 25 dan 26 Sep 13 di Bukit Gambang Resort City, Kuantan adalah merupakan acara persembahan projek KIK oleh kumpulan-kumpulan daripada agensi Kerajaan Negeri Pahang. Persembahan dibahagikan kepada dua kategori iaitu pengurusan dan teknikal. Kategori pengurusan ialah projek yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran atau sistem prosedur kerja. Kategori teknikal pula ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang khas seperti kejuruteraan, seni perusahaan dan sains gunaan. Sebanyak 15 penyertaan untuk kategori pengurusan dan 15 penyertaan daripada kategori teknikal telah dipertandingkan daripada pelbagai jabatan dan agensi di negeri Pahang



Markas Wilayah Laut 1 telah dijemput menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur ke-29 bagi Kategori Jemputan Badan Berkanun. Untuk itu, SKTLDM Kuantan telah diberi kepercayaan untuk menyertai Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pahang dengan Projek "Save Tank" kategori teknikal. Kumpulan JITU telah ditubuhkan pada bulan Mac 2013 bagi menyelesaikan permasalahan gangguan pembekalan air oleh Pengurusan Air Pahang (PAIP) ke Stesen Pemancar Padang Hangus. Gangguan pembekalan air bersih adalah berpunca daripada kebocoran paip utama, kerja-kerja senggaraan paip dan permintaan air yang tinggi di sekitar kawasan yang menyebabkan tekanan air rendah.

Hasil daripada Projek "Save Tank" ini memberi impak positif ke arah penjimatan air bersih yang dirawat memandangkan permintaan terhadapnya kian meningkat yang disebabkan oleh pengembangan sektor industri. Konsep projek ini berdasarkan penghasilan air hujan yang turun, disalurkan ke sebuah tangki takungan untuk kegunaan sistem tandas dan kegunaan domestik seperti membasuh pinggan semasa ketiadaan sumber air utama. Daripada segi penjimatan pula, ia sangat sesuai digunakan ketika ini apabila permasalahan krisis air yang dirawat semakin membimbangkan. Sebagai contoh, penggunaan *flush* tandas yang berkapasiti 5 liter air telah digunakan semasa membuang air kecil atau besar. Apabila sumber air yang telah dirawat digunakan untuk tujuan tersebut, ia adalah amat membazir. Adalah lebih menjimatkan sekiranya setiap sistem tandas di rumah dan premis perniagaan menggunakan sistem tadahan air hujan yang sudah semestinya adalah percuma.

PENGIKTIRAFAN

Pengurusan Air Pahang (PAIP) Berhad telah memberi pengiktirafan dan menyokong projek "SAVE TANK" ini melalui surat Bil (31) dlm PAIP.K.1/003/1 bertarikh 26 Jun 13. Pihak PAIP Berhad telah menyatakan bahawa projek ini berpotensi di mana ia boleh menampung keperluan air di sesebuah premis atau kawasan sekiranya berlaku gangguan bekalan air bagi tempoh tertentu. Projek ini mampu memberi impak yang tinggi dan kesan jangka panjang kepada sumber air bersih sekiranya diberikan perhatian penuh untuk dibangunkan. Selain itu, sekiranya projek ini dibangunkan secara menyeluruh, ia mampu memberi kesan positif kepada penjimatan air bersih yang dirawat dan juga boleh dijadikan sebagai sumber air alternatif ketika berlakunya gangguan bekalan air. Ini adalah bersesuaian dengan saranan kerajaan berkaitan penjimatan air sepertimana yang telah diiklankan di dalam media massa. Kumpulan JITU telah menerima Anugerah Perak sempena Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Negeri Pahang Tahun 2013 bagi Kategori Teknikal yang telah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Hasil keseluruhan projek boleh memberi kesan positif ke arah penjimatan air bersih yang dirawat memandangkan permintaan terhadapnya kian meningkat yang disebabkan oleh pengembangan sektor industri dan pertambahan penduduk. Berdasarkan data taburan hujan, projek ini amat bersesuaian untuk dibangunkan untuk penjimatan dan keselesaan rakyat bersama. Unit mencadangkan kepada pihak atasan supaya projek ini diberi perhatian sepenuhnya untuk dibangunkan.

PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD (805752-D)

Bil(31)dlm PAIP.K.1/003/1

26 Jun 2013.

Kumpulan Kreatif Dan Inovasi,
Stesen Komunikasi TLDM Kuantan,
Pangkalan TLDM Tanjung Gelang,
25990 KUANTAN.

Tuan,

KONSEP TANGKI TADAHAN AIR HUJAN UNTUK SISTEM TANDAS BAGIPROJEK KUMPULAN KREATIF DAN INOVASI (KKI) 2013 STESEN KOMUNIKASI TLDM (SKTLDM) KUANTAN.

Adalah dengan hurmatnya dimaklumkan mengenai perkara diatas dan surat tuan bil(94) dlm SKK/N1/1047 Jil 4 bertarikh 03 Jun 2013 berkaitan.

2. Untuk makluman pihak tuan bahawa pihak kami telah menyemak pelan cadangan serta gambar yang dilampirkan. Pihak kami berpendapat bahawa ianya merupakan projek yang baik dimana dapat menampung keperluan bekalan air sekiranya berlaku gangguan bekalan air bagi tempuh yang tertentu.

3. Pihak kami menyokong sekiranya projek ini dilaksanakan dipremis-premis yang selalu berlaku gangguan bekalan air .

" AIR PENJANA PEMBANGUNAN"

Saya yang menurut perintah,

(AMINUDDIN BIN MESIR)
Penolong Pengurus Operasi
b/p Pengurus Kanan Daerah
Pengurusan Air Pahang Berhad
Daerah Kuantan

Amy/njma/2506/2013.

KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Sijil Penghargaan

Dengan ini disahkan bahawa

KUMPULAN JITU

telah menerima anugerah

PERAK

sempena

KONVENSYEN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
KE-29 TAHUN 2013

25-26 SEPTEMBER 2013
BUKIT GAMBANG RESORT CITY, KUANTAN

DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.
YB. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG

PEREKAYASAAN & INOVASI MAWILLA 1

Oleh: Lt M Mohamad Hakim bin Sulaiman PSSTLDM

Sepanjang tahun 2013, pelbagai usaha telah dilakukan bagi membudayakan perekayasaan dan inovasi di Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1), Pangkalan TLDM, Tg Gelang. Program inovasi ini dapat memberikan kesan yang amat positif dalam sesebuah organisasi. Ini kerana cetusan idea-idea baru dan penambahbaikan terhadap sesuatu perkara amat digalakkan oleh pihak kerajaan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 yang lebih dinamik.

Terdapat 16 projek inovasi yang berjaya dihasilkan oleh unit-unit bawah naungan MAWILLA 1 sepanjang tahun 2013. Projek-projek inovasi ini merangkumi kategori Inovasi Teknikal dan Inovasi Pengurusan.

Tajuk	Unit
Smart Bottle Casing	KD PERDANA
KadKerjaya PSSTLDM	PSTL Kuantan
Mawilla One fm	Markas
Kerja Sebagai Ibadah (KSI)	Markas
Save Tank	SKTLDM Kuantan
e-Div Log	PROTELA Kuantan
e-Watch and Station Bill	KD HANDALAN
e-FXPG Report	KD PERDANA
Rostrum Mudah Alih	Depot Peluru Wilayah 1
Automatic Chiller Tank	KD GANYANG
Smart PV Drainage Filter	KD PAHANG
115V Bulb	KD TERENGGANU
Smart Pocket Shoes (SPS)	KD PENDEKAR
Multipurpose Smart Trolley	PSTL Chendering
e-Messbill	SRI KUANTAN
e-Pengurusan Aset	Depot Logistik Wilayah 1

Anugerah Inovasi Tentera Laut

Daripada 16 projek inovasi yang dihasilkan oleh setiap unit, KD SRI KUANTAN telah menjadi johan Kategori Pengurusan dengan projek Sistem Kad Edaran Fail.

Ceramah Inovasi Mingguan.

Ceramah Inovasi Mingguan dilaksanakan pada setiap hari Khamis dan dikoordinasikan oleh unit-unit bawah naungan mengikut giliran. Objektif utama ceramah ini adalah bagi membudaya dan menerapkan daya kreativiti warga MAWILLA 1 dalam setiap pelaksanaan tugas. Tujuannya adalah supaya warga MAWILLA 1 melaksanakan suatu inovasi untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti sesuatu tugasan yang dilaksanakan.

Rumusan

Usaha membudayakan perekayasaan dan inovasi di kalangan warga MAWILLA 1 dilihat berjaya dengan cemerlang. Ini terbukti dengan keupayaan warganya yang mampu meraih kejayaan di peringkat perkhidmatan mahupun antara agensi-agensi kerajaan yang lain. Warga MAWILLA 1 sentiasa beriltizam dan berazam untuk terus melahirkan projek-projek inovasi yang berdaya saing dan berkompetitif tinggi. Projek-projek ini akan dipertandingkan dalam setiap peringkat dengan harapan untuk meraih kejayaan yang dapat mengharumkan nama MAWILLA 1 khasnya dan TLDM amnya.

'DEEP ORANGE CIRCLE'

Oleh: Lt Kdr Salsabil bin Paujah@Ismail TLDM
KD TUN RAZAK

Sewaktu warga kapal selam menjalani latihan di Perancis, Tentera Laut Perancis telah mencadangkan agar sebuah kumpulan yang terdiri daripada kalangan Pegawai Operasi ditubuhkan bagi membincang hal ehwal operasi kapal selam dan isu-isu yang berkaitan selain menjadi forum untuk bertukar pengetahuan dan pengalaman. Kumpulan ini dikenali sebagai *Deep Blue Circle*. Melalui idea ini dan selaras dengan kehendak pucuk pimpinan tertinggi TLDM untuk menghidupkan budaya positif dan amalan baik yang dapat meningkatkan kecekapan dan tahap professionalisme, suatu forum untuk Pegawai Kejuruteraan telah diilhamkan oleh Pegawai Kanan Skuadron (PKS) Kapal Selam Pertama pada tahun 2011. Forum ini dinamakan *Deep Orange Circle*.

Deep Orange Circle bergerak ke hadapan dengan menumpukan lebih perhatian kepada isu-isu utama berkaitan kesiagaan kapal selam untuk terus kekal relevan. Idea yang kreatif dan kritis di kalangan ahli mahupun bukan ahli perlu diketengahkan untuk penambahbaikkan supaya organisasi ini dapat menuju ke tahap yang lebih tinggi dan sesetengahnya boleh menyumbang kepada Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KKI).



Pada awalnya, keahlian forum hanya terdiri daripada Pegawai Kejuruteraan di Skuadron Kapal Selam (SKS) sahaja. Namun sekarang, penglibatannya telah dipanjangkan kepada Pegawai Kejuruteraan yang berkepakaran kapal selam dari Cawangan Logistik, Markas Angkatan Kapal Selam berikutan kesinambungan isu yang melibatkan kedua-dua pihak. Forum ini dirancang bersidang setiap suku tahun. Semua ahli digalakkan menghantar agenda masing-masing kepada penyelaras. Pembentangan akan dilaksanakan mengikut pembahagian yang telah dipersetujui dan nota perbincangan akan dikeluarkan. Rumusan isu yang berkaitan akan dibentangkan kepada PKS dan seterusnya diangkat kepada Panglima Angkatan Selam (PAKS) sekiranya memerlukan keputusan peringkat pucuk pimpinan. Seterusnya, proses uji akan dilaksanakan setelah mendapat persetujuan daripada pihak atasan Markas Angkatan Kapal Selam dengan menjadikan platfom yang sedia ada, sama ada menggunakan *Diving Simulator* atau kapal selam yang beroperasi. Semua uji cuba yang berjaya akan direkodkan. Pindaan dokumen rasmi kapal akan dilaksanakan menerusi saluran yang bersesuaian mengikut keperluan. Sekiranya penambahbaikan melibatkan proses modifikasi, cadangan akan dimajukan kepada pihak Boustead DCNS Naval Corporation (BDNC) Sdn Bhd untuk mendapatkan kelulusan daripada *Design Authority* Scorpene di Perancis sebelum penambahbaikan tersebut dilaksanakan.

PENCAPAIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI 2013

Oleh: Lt Muhammad Azwan bin Kamarudin TLDM
MK TL – BPS

Bahagian Pengurusan Strategik (BPS) telah melaksanakan suatu kajian ke atas status dan pencapaian Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) TLDM bagi tahun 2013. Kajian ini merangkumi persijilan MS ISO 9001:2008, OHSAS 18001:2007, EMS 14001:2007, FSMS 22000:2007 dan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S untuk Markas dan Unit TLDM berakhir 30 Nov 2013.

Bagi mencapai dan mendokong PS 1320 iaitu O3: Budaya Kecemerlangan Yang Berterusan, Cawangan Pengurusan Sistem di BPS telah dipertanggungjawabkan untuk membantu Markas dan Unit TLDM menerapkan Sistem Pengurusan Kualiti di dalam pentadbiran Markas dan Unit masing-masing.

Antara kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2013 ialah kejayaan **Markas Pemerintahan Kejuruteraan** menerima pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 24 Jul 13, **Depot Peluru dan Letupan TLDM** berjaya dipersijilkan dengan Sistem Pengurusan Berintegrasi (MS ISO 9001:2008 & OHSAS 18001:2007) pada 26 Mac 13 dan kejayaan penerimaan pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S oleh **Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM** pada 25 Jun 13 diikuti **KD SULTAN ISMAIL** pada 28 Jun 13.

Analisis untuk pensijilan MS ISO 9001:2008 adalah seperti carta berikut:

Bagi tahun 2013, klausa 7.5 Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan mencatat peratusan tertinggi dengan 10 Markas/Unit telah menerima teguran di dalam klausa tersebut disusuli dengan klausa 8.2 Pemantauan dan Pengukuran dengan catatan sebanyak 9 Markas/Unit telah menerima teguran di dalam klausa tersebut. Sebanyak 8 Markas/Unit telah berjaya dengan tidak menerima ketakakuran oleh badan pensijilan. Walau bagaimanapun, peluang penambahbaikan telah diberikan oleh badan pensijilan untuk markas/Unit mengambil tindakan ke atas teguran yang telah diberikan.

Bagi pensijilan Sistem Pengurusan Berintegrasi pula, sebanyak 5 Markas/Unit telah menerima pensijilan ini di mana Depot Peluru dan Letupan TLDM baru sahaja selesai menjalani audit. KD MALAYA telah selesai menjalani audit pensijilan semula EMS 14001:2007 pada 5 Feb 13.

KD PELANDOK telah selesai menjalani audit FSMS 22000:2005 oleh AJA EQS pada 19 Feb 13. Hasil daripada audit tersebut, sebanyak 5 ketakakuran kecil telah ditemui. KD MALAYA telah menghentikan pensijilan ini atas faktor persekitaran yang dilihat tidak sesuai untuk pengimplementasian pensijilan ini.

Cawangan Teknologi Maklumat telah menghentikan pensijilan ISMS 27001:2005 kerana badan yang memberi pensijilan iaitu AJA EQS tidak mendapat pengiktirafan akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia. Walau bagaimanapun, Cawangan Teknologi Maklumat kini dalam proses pembangunan semula pensijilan ISMS.

Sebanyak 9 Markas dan Unit telah berjaya dipersijilkan dengan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S oleh *Malaysia Productivity Corporation* (MPC). Kesemua Markas dan Unit ini telah berjaya mengekalkan pensijilan dengan keputusan cemerlang. Pencapaian membanggakan telah dicapai oleh Markas Wilayah Laut 3 apabila telah berjaya mendapat perhatian oleh badan pensijilan sehingga telah disarankan untuk menyertai pertandingan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S oleh MPC.

Beberapa kekangan telah dikenal pasti di dalam pelaksanaan SPK. Diperamati tahap kesedaran dan pemahaman warga TLDM di dalam pengimplementasian SPK adalah rendah. Berdasarkan teguran oleh badan pensijilan, didapati tahap pemahaman warga masih lagi rendah di samping kurangnya perkongsian maklumat melibatkan pihak pengurusan Markas dan Unit.

Antara faktor lain adalah pegawai/anggota yang berpengalaman telah bertukar keluar menyebabkan perjalanan sistem tidak teratur dan berjalan dengan lancar.

Selain itu, beberapa cabaran telah diperamati dan perlu diatasi. Keberkesanan pelaksanaan sistem di dalam pengurusan pentadbiran perlu dinilai untuk mengetahui tahap keberkesanan SPK. Pengurusan Atasan dan Wakil Pengurusan Markas/Unit perlu lebih bertanggungjawab dan prihatin di atas pelaksanaan SPK di bawah pemerintahan masing-masing dan memastikan sistem yang diimplementasikan berjalan dengan lancar

Setiap individu dari pihak atasan hingga anggota bawahan perlu memahami, menghayati pelaksanaan SPK, menjadikan sistem ini sebagai satu cara kerja dan seterusnya membudayakannya di dalam sistem pentadbiran harian.

Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan SPK di dalam TLDM berada pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, penambahbaikan perlu diteruskan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan SPK seterusnya menyokong PS 1320 iaitu O3: Budaya Kecemerlangan Yang Berterusan.

STRUKTUR BARU AITL SEMARAKKAN BUDAYA INOVASI

Oleh: Lt Kdr Shahidin bin Hamzah TLDM
MK TL – BPS

Penganjuran Anugerah Inovasi Tentera Laut (AITL) sejak tahun 2011 telah menjadi platform untuk memilih dan mengiktiraf idea-idea inovasi *the Navy People*. Bahagian Pengurusan Strategik (BPS), Markas Tentera Laut (MK TL) bertanggungjawab menguruskan pertandingan AITL dan seterusnya mengetengahkan idea-idea inovasi berimpak tinggi untuk menyertai pertandingan-pertandingan inovasi peringkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).

BPS sering menghadapi kesukaran untuk memilih projek daripada pertandingan AITL kerana kategori yang dipertandingkan hanya memberi tumpuan kepada 2 kategori sahaja iaitu Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal. Projek-projek daripada AITL boleh menyertai pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KEMENTAH tanpa memerlukan rombakan besar pada penulisan laporan kerana susunan keperluan kriteria adalah sama. Walau bagaimanapun, projek-projek ini memerlukan rombakan secara *total* jika ingin bertanding di dalam pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP).

Pemilihan beberapa projek yang bertanding di dalam AIKP juga terpaksa dilakukan berdasarkan penilaian dalaman ke atas projek inovasi yang tidak menyertai AITL. Perkara ini disebabkan pertandingan AITL hanya menyediakan pilihan 6 projek terbaik sahaja iaitu 3 projek kategori Teknikal dan 3 projek kategori Pengurusan. Pertandingan AIKP pula dipertandingkan di dalam 5 kategori iaitu Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Projek, Pengurusan Pelanggan dan Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

.

Justeru, bagi mengatasi masalah ini, penstrukturan semula AITL perlu dilakukan bagi memantapkan persediaan TLDM sebelum menyertai Pertandingan AIKP atau pertandingan inovasi yang lain.

Semua aspek pertandingan AITL pada tahun 2014 seperti pecahan kategori, kriteria pemarkahan, konsep penilaian dan pemilihan pengadil dilaksanakan mengikut acuan pertandingan inovasi dan KIK peringkat Kementerian Pertahanan.

Format baharu Pertandingan AITL 2014 merangkumi 7 kategori berikut:

- Pertandingan KKI Kategori Pengurusan.
- Pertandingan KKI Kategori Teknikal.
- Pertandingan Inovasi Kategori Pengurusan Sumber Manusia.
- Pertandingan Inovasi Kategori Pengurusan Kewangan.
- Pertandingan Inovasi Kategori Pengurusan Projek.
- Pertandingan Inovasi Kategori Pengurusan Pelanggan.
- Pertandingan Inovasi Kategori Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Panel Pengadil AITL untuk Pertandingan KKI menggunakan sepenuhnya khidmat pengadil dari agensi luar seperti MAMPU, MPC dan INTAN.

Panel Pengadil untuk Pertandingan Inovasi pula dipilih daripada kalangan Pegawai Kanan yang berkhidmat di sekitar Lembah Klang.

Tatacara penilaian dan borang pemarkahan yang digunakan oleh Panel Pengadil di dalam proses memilih pemenang boleh di rujuk di BRL 64 – Manual Pengurusan Kreativiti dan Inovasi.

Hadiah-hadiah yang lumayan ditawarkan kepada para pemenang sebagai insentif kepada usaha gigih mereka menghasilkan inovasi.

Pertambahan kategori di dalam AITL memberi peluang kepada lebih banyak projek inovasi untuk dipertandingkan.

Diharapkan agar pengstrukturan semula AITL ini akan dapat menyemarakkan pembudayaan inovasi di dalam TLDM.

Trofi Pemenang AITL 2014



PERANAN ANDA:
PERBELANJAAN BERHEMAT

Oleh: Lt Kdr Chuah Lewkern TLDM
MK TL – BPS

Warga TLDM digalakkan untuk memberi tumpuan khusus kepada amalan berbelanja di setiap peringkat, selaras dengan 5 fokus utama TLDM 2014 yang ditekankan semasa perutusan tahun baru oleh Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar. Pihak pengurusan tertinggi TLDM seterusnya mengeluarkan **Pekeliling TLDM No 1/14** bertarikh 5 Feb 14 berkaitan perkara ini. Pekeliling tersebut bertujuan memberi garis panduan berkaitan perbelanjaan secara berhemat di dalam TLDM. Setiap warga TLDM boleh memainkan peranan dengan memastikan pematuhan kawalan dan pelaksanaan langkah-langkah perbelanjaan berhemat seperti berikut:

Perjalanan dalam negeri
- Dapatkan pengesahan Pejabat PTJ terlebih dahulu untuk tuntutan tugas.
- Kurangkan keperluan ahli mesyuarat ke tahap minimum.
- Guna kemudahan sedia ada, berkongsi kenderaan jabatan serta tempat penginapan dan sajian di pangkalan.

Kursus, seminar dan majlis rasmi dalam negeri
- Penganjuran secara sederhana tanpa perbelanjaan keterlaluan (perhiasan, persembahan, cenderahati dan jamuan makan).
- Guna kemudahan sedia ada dalam TLDM. Penginapan dan sajian diuruskan menggunakan kemudahan wisma.
- Mengurangkan penggunaan kain pemidang (*bunting* dan *banner*).

Penggunaan kertas dan percetakan dokumen
- Guna kemudahan percetakan dalaman.
- Cetak kedua-dua belah muka surat dan mengikut bilangan yang perlu sahaja.

Perjalanan ke luar negara
- Perjalanan untuk aktiviti terpenting sahaja dibenarkan.
- Pegawai yang terlibat secara langsung sahaja diberi kelulusan.

Majlis/mesyuarat melibatkan pegawai tentera asing
- Guna kemudahan sedia ada dalam TLDM.
- Penganjuran secara sederhana tanpa perbelanjaan keterlaluan (perhiasan, persembahan, cenderahati dan jamuan makan).

Penggunaan air dan elektrik
- Tutup suis lampu dan peralatan elektrik yang tidak digunakan semasa waktu rehat dan selepas waktu kerja.
- Minimumkan penggunaan lampu-lampu pada waktu malam.
- Tutup paip air selepas digunakan dan elakkan pembaziran (cuci tandas, cuci kenderaan jabatan dan siram pokok).

Mesyuarat
- Pengerusi mesyuarat mempertimbangkan penglibatan ahli luar kawasan. Penggunaan *video conferencing* digalakkan.
- Perbincangan peringkat staf dioptimumkan melalui emel, talian P4 atau *WhatsApp*.
- Amalkan konsep *paper-less* semasa mesyuarat.

Pemberian cenderahati
- Cenderahati untuk tetamu negara asing dalam majlis rasmi kerajaan/majlis keraian perlu mematuhi kadar dan syarat peraturan kewangan.
- Pemberian '*door gift*' majlis penganugerahan/perasmian/ pelancaran/makan malam/ mesyuarat tidak dibenarkan.

Penggunaan telefon
- Guna untuk panggilan rasmi sahaja, termasuklah telefon *cellular*.
- Maksimumkan penggunaan talian P4.

Penggunaan kenderaan
- Optimumkan penggunaan kenderaan sewaan SPANCO dan kurangkan penggunaan kereta utiliti TLDM. Pandu pada kelajuan ekonomikal.
- Kongsi kenderaan untuk tugasan sama atau berdekatan.
- Penggunaan petrol, minyak dan pelincir (PMP) dikawal.

Sewaan/pengubahsuaian pejabat
- Cadangan menyewa pejabat baru/tambahan sewaan ruang pejabat tertakluk kelulusan Perbendaharaan.
- Pengubahsuaian pejabat melibatkan struktur sedia ada tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Pengurus Program.

Senggaraan bangunan dan peralatan
- Pembaikan dan naik taraf hanya dilakukan apabila keselamatan dan kesihatan warga TLDM terjejas.
- Kerja senggaraan dirancang dengan teliti tanpa perlu *re-work*.

Senggaraan dan pasang pulih kapal
- Perlu dirancang dengan teliti supaya peruntukan mencukupi disediakan.
- Proses perolehan bagi kerja senggaraan pembaikan luar perlu telus dan pembekal mempunyai keupayaan perkhidmatan yang setimpal dengan bayaran tanpa manipulasi harga.

Awasan bertugas
- Kurangkan jumlah anggota ke paras minimum tanpa menjejaskan keselamatan.

Rangsum
- Kurangkan aktiviti yang berkeperluan rangsum penuh.
- Pantau pengeluaran bahan mentah berdasarkan kekuatan makan harian.
- Pesan rangsum berdasarkan stok sedia ada.

Perolehan alat ganti
- Perolehan alat ganti untuk stok tidak dibenarkan.
- Gunakan sistem ePero untuk elakkan manipulasi harga.
- Semak harga perolehan alat ganti melalui Sijil Ketiadaan (NAC).

Pelaksanaan operasi/eksesais/latihan
- Menggabungkan penugasan kapal dengan aktiviti lain yang sesuai.
- Perasmian atau penutupan eksesais luar negara diwakilkan kepada Pegawai Memerintah kapal terkanan.
- Lawatan operasi dan eksesais luar negara dikurangkan.
- Optimumkan penggunaan simulator untuk latihan operasi.
- Kurangkan penggunaan bot tunda semasa kapal keluar masuk himpitan.

Inisiatif pengurangan pembaziran ini merupakan salah satu kriteria dalam komponen Pengurusan Kewangan Audit Sistem Star Rating (SSR) ATM. Bahan bukti perlu dikumpul beserta dengan laporan dan rekod berkaitan inisiatif ini. "*What gets done, gets recorded*" adalah penting dan memberi kelebihan kepada Program Pertahanan Maritim untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat.

Setiap warga TLDM perlu memainkan peranan masing-masing berdasarkan panduan seperti yang dinyatakan di atas supaya usaha ini berjaya mencapai matlamatnya. Penjimatan ini dapat memberi peluang kepada perkhidmatan untuk menguruskan perbelanjaan bagi bahagian lain yang lebih memerlukannya.

TIM KHUSUS PENGGERAK SISTEM PENGURUSAN STRATEGIK

Oleh: Lt Kdr Chuah Lewkern TLDM
MK TL – BPS

Sistem Pengurusan Strategik (SPS) TLDM telah diwujudkan dengan tujuan untuk merancang, melaksana, menilai dan menambahbaik pencapaian hala tuju bagi mencapai misi dan visi TLDM. Berlandaskan BRL 61 – Manual Pengurusan Strategik TLDM, **Pekeliling TLDM No 2/14** bertarikh 7 Feb 14 telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan tertinggi TLDM untuk menerangkan penubuhan tim khusus bagi menyokong SPS TLDM berkuatkuasa 1 Mac 14. Tiga tim yang ditubuhkan ini ialah *Senior Management Team* (SMT), *Core Team* (CT) dan *Subject Matter Expert Team* (SMET).

Tim SMT juga dikenali sebagai Lembaga Pengurusan Strategik (LPS) TLDM. Tim ini dianggotai oleh Panglima Tentera Laut (PTL) sebagai pengerusi, Timbalan PTL sebagai timbalan pengerusi, AKS Pengurusan Strategik sebagai setiausaha, Panglima-panglima Markas Pemerintahan, Asisten Ketua Staf (AKS) Markas Tentera Laut (MK TL), Ketua Pengarah Hidrografi dan Pegawai Waran TLDM.

Tanggungjawab **Tim SMT** adalah menyediakan panduan agenda transformasi, matlamat dan keberhasilan strategik untuk mencapai petunjuk prestasi utama dalam pelan strategik TLDM. Mereka juga perlu menetapkan keutamaan teras strategik mengikut keperluan semasa TLDM dan masa hadapan ATM. Di samping itu, tim perlu menetapkan hala tuju perancangan pelan strategik TLDM. Sumber manusia, kewangan, materiel dan infrastruktur perlu disediakan bagi merealisasikan pelan strategik TLDM. Laporan dan analisa pencapaian prestasi dan risiko perlu dikaji untuk tindakan susulan. Persekitaran dinamik juga perlu diwujudkan untuk menggalakkan pengamalan budaya cemerlang dan berinovasi. Tim SMT boleh memberi pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang merealisasikan perancangan strategik dengan cemerlang.

Seterusnya, **Tim CT** yang juga dikenali sebagai Tim KPI TLDM dianggotai oleh AKS Pengurusan Strategik sebagai pengerusi, Pengarah Pengurusan Strategik sebagai timbalan pengerusi, Pegawai Staf 1 Strategik sebagai setiausaha, Pengarah Kanan Kejuruteraan, Pengarah Kanan Materiel, Pengarah Operasi, Pengarah Komunikasi, Pengarah Rancang, Pengarah Perkhidmatan Sumber Manusia, Pengarah Perundangan, Pengarah Perisikan Laut, Marshal Provos, Pengarah Belanjawan, Pegawai Staf 1 Tadbir dan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Prestasi (KPP) Markas Pemerintahan.

Bidang kuasa dan tanggungjawab **Tim CT** termasuklah menambah baik pelan strategik berdasarkan pengarahan SMT. Mereka juga perlu membangunkan objektif strategik dan peta strategi berdasarkan elemen strategik yang ditetapkan SMT. Kajian semula strategi setiap teras strategik perlu dilaksanakan supaya pembangunan petunjuk prestasi utama (KPI), inisiatif dan pelan tindakan adalah relevan.

Tim CT juga perlu menanda aras dengan pihak luar untuk kenal pasti amalan baik yang dapat memperkasa pelan strategik TLDM. Laporan kesesuaian KPI dan inisiatif untuk SMT perlu disediakan. Jika terdapat keperluan, mereka juga perlu memberi penambahbaikan kepada SMT berkenaan pengubahsuaian elemen-elemen strategik. Selain itu, tim ini perlu menasihati SMT untuk mengambil tindakan susulan ke atas kandungan pelan strategik yang merangkumi peta strategi, kamus data, pelan tindakan dan pelan risiko. Khidmat nasihat juga boleh diberikan kepada Markas dan Unit berkaitan pembangunan Pelan Strategik organisasi masing-masing.

<u>Mesyuarat Lembaga Pengurusan Strategik TLDM</u>

Tim SMET atau Tim Fasilitator BSC TLDM pula dianggotai oleh warga TLDM yang berkelayakan dalam bidang pengurusan strategik. **Tim SMET** bertanggungjawab memberi khidmat nasihat mengenai metodologi BSC kepada SMT dan Tim KPI TLDM. Mereka juga perlu mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada Tim KPI TLDM berkaitan Pelan Strategik TLDM. Selain Itu, Tim SMET perlu melibatkan diri dalam setiap perbincangan yang Tim KPI TLDM laksanakan. Mereka perlu bantu meningkatkan tahap pengetahuan Tim KPI TLDM berkaitan BSC. Mereka juga akan menjadi tenaga pengajar pengurusan strategik sekiranya diperlukan oleh Pusat Kepimpinan TLDM atau organisasi TLDM yang lain.

SMT dan CT perlu ditubuhkan oleh setiap Markas Pemerintahan untuk memastikan pelaksanaan pengurusan strategik berjalan dengan lancar dan berkesan di peringkat operasi. Penubuhan SMT, CT dan SMET merupakan satu usaha perekayasaan proses pengurusan strategik TLDM untuk memastikan keberkesanan aktiviti perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pelaporan dan penambahbaikan. Ini penting dalam memastikan kecemerlangan TLDM dapat dikekalkan dan seterusnya memacu TLDM ke arah Tentera Laut Bertaraf Dunia.



Buletin the queen

Quality for Effective and Efficient Navy

Oleh: Lt Mohd Zaki bin Ibrahim TLDM
MK TL – BPS

Buletin *The QUEEN* diterbitkan sebanyak tiga keluaran setahun. Tujuan utama buletin ini adalah untuk berkongsi ilmu pengetahuan di antara warga TLDM. Selain itu, ia juga merupakan penghargaan kepada penyumbang artikel yang mempunyai idea kreatif untuk dikongsi bersama dalam buletin ini.

Hasil daripada maklum balas pembaca, Sidang Redaksi telah melaksanakan analisis tentang kehendak dan citarasa pembaca. Antara soalan yang diutarakan dalam borang maklum balas adalah seperti berikut:

1. *Adakah isi kandungan Buletin The QUEEN menarik untuk dibaca dan penyampaian mudah difahami?*
2. *Adakah reka bentuk dan grafik Buletin The QUEEN menarik dan bersesuaian dengan artikel?*
3. *Adakah kekerapan penerbitan Buletin The QUEEN memadai untuk menjadi panduan dan rujukan warga TLDM?*
4. *Adakah Buletin The QUEEN mudah diperolehi?*
5. *Adakah maklumat yang terkandung di dalam Buletin The QUEEN membantu anda di dalam pelaksanaan tugas seharian?*

Sidang Redaksi telah menerima sebanyak 1137 maklum balas daripada pembaca untuk Buletin *The QUEEN* tahun 2013. Maklum balas yang diterima terdiri daripada anggota berpangkat Lasykar Kelas II sehingga Pegawai Kanan TLDM. Selain daripada menjawab soalan di atas, terdapat juga pembaca yang telah memberi cadangan yang bernas untuk penambahbaikan Buletin *The QUEEN* pada masa hadapan.

Sumbangan maklum balas daripada pelbagai lapisan warga TLDM amat dialu-alukan. Sidang Redaksi Buletin *The QUEEN* akan cuba sedaya upaya untuk memastikan kehendak dan citarasa pembaca dapat dipenuhi.

Statistik Maklum Balas Pembaca



Kategori



Pangkat



Tempat Bekerja



Cadangan Pembaca

Saiz dibesarkan kepada A4

The QUEEN: Untuk pengetahuan para pembaca, penerbitan Buletin *The QUEEN* sebelum ini adalah bersaiz A4. Bermulanya siri pertama tahun 2012, Sidang Redaksi Buletin *The QUEEN* telah melakukan satu perubahan kecil dari aspek reka bentuk dan saiz. Walaupun bersaiz kecil, namun kandungan yang dimuatkan tetap padat dengan maklumat-maklumat yang berguna dan dapat memberi pengajaran dan pembelajaran kepada warga TLDM. Di samping itu, saiz buletin yang kecil memudahkan ia dibawa dan boleh disimpan dalam beg tanpa memerlukan ruangan yang besar serta kelihatan lebih kontemporari.

Banyakkan artikel

The QUEEN: Sidang Redaksi Buletin *The QUEEN* sentiasa cuba memuatkan seberapa banyak artikel yang mungkin untuk bacaan warga TLDM. Walau bagaimanapun, sambutan daripada warga TLDM untuk menyumbang artikel adalah tidak menggalakkan. Warga TLDM diseru untuk menyumbangkan seberapa banyak artikel berkualiti agar idea-idea yang baik dapat dikongsikan bersama warga TLDM yang lain.

Wujudkan ruangan berkaitan keagamaan, lawak jenaka dan ‘*Naval Term*’

The QUEEN: Buletin *The QUEEN* adalah sebuah publikasi yang berkaitan pelaksanaan inovasi, pengurusan berkualiti, keutuhan tadbir urus, pembelajaran dan teladan serta amalan-amalan baik yang dilaksanakan dalam TLDM. Justeru itu, ruangan seperti yang dicadangkan tidak menjurus kepada perkara yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, Sidang Redaksi akan cuba untuk menyelitkan beberapa artikel berkenaan mengikut kesesuaian serta persetujuan pihak atasan.

Kualiti grafik boleh ditingkatkan

The QUEEN: Sidang Redaksi cuba melakukan yang terbaik dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan demi kepuasan para pembaca. Syarikat percetakan yang dilantik juga sentiasa ditapis dahulu supaya kualiti buletin yang dikehendaki sentiasa terpelihara.

Banyakkan gambar dan resolusi gambar tidak tinggi

The QUEEN: Kawat yang dikeluarkan menyatakan bahawa artikel yang dihantar perlu disertakan gambar berformat JPEG. Kebanyakkan artikel yang diterima tidak disertakan dengan gambar JPEG. Oleh itu, Sidang Redaksi telah berusaha mencari gambar berkaitan daripada sumber yang lain. Selain itu, gambar yang diterima juga telah dimampatkan (*compressed*) dan disertakan bersama artikel dalam format *Microsoft Word*. Walau bagaimanapun, Sidang Redaksi akan cuba untuk mendapatkan gambar yang berkualiti daripada penyumbang.

Masukkan artikel berkaitan kemajuan organisasi luar yang boleh diadaptasikan oleh TLDM

The QUEEN: Ini adalah satu **cadangan yang bernas** yang boleh dimuatkan dalam Buletin *The QUEEN*. Sidang Redaksi akan cuba mendapatkan artikel berkaitan agar boleh dijadikan rujukan atau panduan kepada warga TLDM. Warga TLDM juga dialu-alukan untuk memajukan artikel tersebut kepada Sidang Redaksi agar ia dapat dikongsikan bersama.

Perlu ditambah perkara berkaitan ICT terkini

The QUEEN: Cadangan ini akan diberi perhatian dan Sidang Redaksi akan cuba memuatkan artikel berkaitan ICT mengikut keperluan semasa serta persetujuan pihak atasan.

Banyakkan isu-isu semasa

The QUEEN: Buletin *The QUEEN* sentiasa memuatkan isu-isu semasa berkaitan dengan perkembangan inovasi, pencapaian markas/unit, kes-kes yang berlaku dalam TLDM serta info-info berkaitan. Buletin *The QUEEN* diterbitkan khas berkaitan kualiti sesuai dengan motonya '***Q**uality for **E**ffective and **E**fficient **N**avy*'.

Buletin dikeluarkan setiap bulan

The QUEEN: Pengeluaran Buletin *The QUEEN* adalah sebanyak tiga siri dalam setahun. Jika buletin perlu dikeluarkan setiap bulan, ia memerlukan komitmen yang tinggi serta sokongan daripada warga TLDM untuk menyumbangkan artikel kepada Sidang Redaksi. Langkah penjimatan juga perlu diambil kira dalam perkara ini. Oleh itu, **pengeluaran buletin setiap 4 bulan sekali adalah amat rasional buat masa ini.**

MILITARY COMMUNITY TRANSFORMATION CENTRE (MCTC)

Oleh: BM TMK Amran bin Md Julis
MK TL – BPS

Pusat Transformasi Komuniti Tentera (MCTC) yang berkonsepkan Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) kini mula beroperasi di Pangkalan TLDM Lumut setelah dilancarkan oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar pada 4 Mac 14. MCTC merupakan satu pendekatan di bawah inisiatif *National Blue Ocean Strategy* 8 (NBOS 8). Ianya berperanan sebagai Pusat Transformasi di dalam kem tentera dengan tujuan meningkatkan kualiti hidup anggota tentera, bekas anggota tentera dan keluarga serta komuniti setempat.

Lima inisiatif utama MCTC dalam menyokong inisiatif NBOS 8 adalah seperti berikut:

a. Menawarkan pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta serta aktiviti sosial.

b. Menjadikan MCTC dan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) sebahagian daripada jaringan *Urban Transformation Centre* (UTC) - *Rural Transformation Centre* (RTC).

c. Menawarkan tanah terbiar di sekitar kem tentera kepada rakyat untuk dijadikan aktiviti pertanian bernilai tinggi.

d. Memberi bantuan keusahawanan yang komprehensif kepada ahli keluarga tentera.

e. Mempromosi aktiviti sukarela di kalangan anggota tentera serta rakyat yang tinggal berdekatan kem tentera.

Kompleks MCTC di Pangkalan TLDM Lumut ini dibangunkan dengan menggunakan infrastuktur sedia ada yang dulunya merupakan Bangunan Mahkamah Tentera yang telah dinaik taraf dan diubah suai. Projek bermula pada 14 Nov 13 dan siap pada 26 Dis 13. Pembangunan kompleks ini merupakan bukti ketara terhadap penjimatan kos. Pusat Perkhidmatan Komuniti (PUSPEK), Markas Bantuan Perkhidmatan dipertanggungjawabkan untuk memastikan inisiatif NBOS 8 ini berjalan dengan lancar.

Pada masa yang sama, cadangan untuk memperluaskan konsep MCTC ini ke Pangkalan TLDM yang lain iaitu Markas Wilayah Laut II (Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah) sedang dipertimbangkan. Selain itu, TLDM sekali lagi berjaya menyokong inisiatif NBOS 8 apabila berjaya membuka sebuah Pasar Tani FAMA di dalam Pangkalan TLDM Lumut pada 10 Apr 13. Pasar Tani ini merupakan yang pertama seumpamanya dibuka dalam pangkalan tentera.

LEARNING ENGLISH

Oleh: Lt Muhammad Fahmi bin Mohd Zainuri TLDM
RNO Penang

English is an international language that is important when communicating internationally. English is spoken as the first language in many countries. Just imagine how this language can help in communicating with people living in other countries. Besides that, English has become a global language and learning it has become extremely necessary for all of us. It is the most widely spoken language in the world. The use of English has become important in our daily lives and therefore, a strong command in English language has become vital for the success of our lives.

Nowadays, Malaysian Armed Forces especially the Royal Malaysian Navy (RMN) is using English as the medium of instruction in all courses. Besides that, all the Navy People should sit for the Australian Defence Force English Language Profiling System (ADFELPS) test. RMN has always tried to improve its officers' and personnel's proficiency in English as to become relevant with the RMN's aim, To Be A World Class Navy.

There are many career courses that RMN is offering to the young officers to develop in their careers. All these courses require the candidates to have a good command in English. In an effort to increase proficiency in English among its personnel, RMN has declared Wednesday as the English day where all the announcements and conversations have to be made in English as an effort to promote the use of English.

As a Navy People, one should think positively in practicing English language in their daily lives. This will make them feel comfortable and confident to use English especially while while communicating with Naval personnel from other countries. Furthermore, RMN have always conducted yearly exercises with various countries such as Bersama Shield Exercise, where 5 countries will participate in this exercise for a month. In this case, surely English is the language to be used in communicating with each other. Besides that, if a person can speak and write English fluently, it will be an advantage for them to advance their career with the RMN. They will have better chances to attend advanced courses overseas.

The Navy People should take their own efforts to learn English and increase their proficiency in the language. They also need to practice this language on a regular basis. They should not be influenced by their environment which might not support their efforts. We should encourage each other in speaking English and help improve ourselves from time to time.



FRAUD

Oleh: Lt Mohd Zaki bin Ibrahim TLDM
MK TL – BPS

PENGENALAN

Fraud adalah penipuan/kecurangan yang dilakukan dengan sengaja untuk mendapatkan keuntungan dengan cara tidak adil dan menyalahi undang-undang. Istilah *fraud* boleh digunakan untuk menjelaskan **perlakuan seperti memperdaya, menyogok, memalsukan, merasuah, mencuri, menggelapkan wang, pecah amanah, memberi penyataan palsu, menyembunyikan fakta dan membuat pakatan sulit.**

FAKTOR DORONGAN BERLAKU *FRAUD*

Peluang (Opportunity)

Dengan mempunyai pengetahuan, pelaku dapat melihat peluang mewajarkan aktiviti *fraud* mereka demi untuk mendapat kekayaan dan keuntungan diri sendiri.

Petunjuk

- Terlalu dipercayai oleh majikan.
- Akrab dengan pembekal, kontraktor.
- Sistem pengurusan lemah.
- Tiada pemantauan.
- Pengurusan akaun yang lemah.
- Kepimpinan lemah.

Rasional (Rationalisation)

Sikap atau sifat tamak kadangkala menjadi pendorong untuk seseorang melakukan *fraud*. Ianya juga ada kaitan dengan sikap iri hati, dendam, marah, ingin cepat kaya dan percaya mereka hebat.

Petunjuk

- Kebencian pada penyelia.
- Ketaksamaan dalam organisasi.
- Tekanan daripada rakan sejawat.
- Pendapatan tidak mencukupi.
- Ingin cepat kaya.
- Pelan persaraan awal.

Tekanan (Pressure)

Keadaan ekonomi, keperluan harian atau keuntungan kewangan merupakan dorongan paling biasa untuk melakukan *fraud*.

Petunjuk

- Kuat berjudi dan arak.
- Bebanan hutang.
- Sikap tamak.
- Tekanan keperluan keluarga.
- Boros.
- Nafsu.
- Mudah terpengaruh.
- Keadaan persekitaran.

IMPLIKASI *FRAUD*

Perbuatan tidak berintegriti ini memberi banyak implikasi terhadap negara, masyarakat, organisasi, keluarga dan diri sendiri. Sebagai contoh, negara mengalami kerugian berjuta-juta ringgit setiap tahun disebabkan oleh kes-kes seperti penyeludupan barang terlarang, kemasukan pekerja warga asing tanpa permit, pembalakan secara haram dan lain-lain lagi. Dari segi ekonomi negara, kadar pertumbuhan bergantung kepada hasil import dan eksport barangan tempatan. Negara akan mengalami kemerosotan ekonomi sekiranya kes seperti ini tidak dibendung.

Bagi sesebuah organisasi yang telah dikenali di seluruh negara, *fraud* boleh mengakibatkan reputasi organisasi tersebut terjejas. Ini boleh menyebabkan pelabur-pelabur tidak yakin untuk melabur dan seterusnya akan beralih kepada organisasi lain yang lebih telus. Sekiranya keadaan ini berterusan dalam sesebuah organisasi, nescaya suasana tidak tenteram akan berlaku seperti perasaan hasad dengki sesama pekerja atau pihak atasan. Perkara ini boleh mendorong kepada perilaku kaganasan atau ugutan semasa/selepas waktu kerja.

Bagi seseorang individu yang terlibat dengan *fraud*, kebarangkalian untuk berbelanja kepada perkara yang tidak berfaedah adalah tinggi. Ini kerana hasil yang diperolehi itu bukannya hasil titik peluh dan sekiranya mengalami kesempitan, individu tersebut tidak teragak-agak untuk melakukan kesalahan tersebut.

CARA MENGATASI *FRAUD*

Fraud perlu dikawal agar ia tidak menjatuhkan atau memusnahkan sesebuah organisasi. Terdapat pelbagai cara untuk mengatasi masalah ini, antaranya seperti menyediakan suasana kerja yang baik di tempat kerja melalui penerapan etika kerja dan peningkatan kesejahteraan pekerja.

Penyediaan suasana kerja yang baik adalah tanggungjawab pihak atasan dan warga sesebuah organisasi tersebut. Suasana kerja penting dalam menimbulkan perilaku yang positif dan kondusif di kalangan warga pekerjanya. Kegiatan negatif seperti *fraud* seterusnya dapat dielakkan daripada berlaku. Pengawasan dalaman yang ketat diharapkan mampu mengenalpasti dan mengelakkan gejala *fraud*. Salah satu cara adalah melalui audit dalaman. Seterusnya, audit oleh pihak luar ke atas sesebuah organisasi tersebut juga digalakkan.

Kesimpulannya, *fraud* merupakan suatu kaedah meraih keuntungan untuk kepentingan peribadi mahupun organisasi. Fraud boleh mengakibatkan kerugian yang besar. Kepercayaan masyarakat kepada seseorang individu atau sesebuah organisasi boleh terjejas akibat perbuatan ini.

SALAH EJA
BAHASA MALAYSIA

Oleh: LK PNK Ahmad Alphanizam bin Ahmad Tamrad
MK TL – BPS

Dewan Bahasa dan Pustaka telah menetapkan piawaian untuk Bahasa Malaysia, iaitu bahasa rasmi negara kita. “Bahasa Malaysia” ditukarkan kepada “Bahasa Melayu” pada tahun 1986 selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menyatakan “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu”. Namun, Kabinet Malaysia telah membuat keputusan menukarkan “Bahasa Melayu” kepada “Bahasa Malaysia” pada 4 Jun 2007. Keputusan ini diambil untuk menanam semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Kaedah Rumi merupakan kaedah rasmi Bahasa Malaysia seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Bahasa Malaysia mula terdedah kepada pengaruh asing sejak zaman dahulu lagi. Pengaruh Portugis jelas kelihatan dengan pelbagai perkataan yang berasal daripada Bahasa Portugis. Antaranya ialah bola, mentega, sepatu, sekolah dan banyak lagi. Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris juga telah mempengaruhi beberapa perkataan, contohnya aneh, calon, pamer, tulen, atom, bonus, faktor, enjin dan lain-lain lagi.

Beberapa kesalahan ejaan yang sering dilakukan adalah seperti di jadual sebelah. Kesilapan seperti ini boleh dipelajari dan dipanjangkan kepada keluarga kita untuk kebaikan bersama.



SALAH	BETUL
kebanyakkan	kebanyakan
kadang-kala	kadangkala
penyalah gunaan	penyalahgunaan
kerosakkan	kerosakan
terguris	tergores
penguatkuasa	penguat kuasa
dairi	diari
efisyen	efisien
barang kali	barangkali
seringkali	sering kali
television	televisyen
pasca kemerdekaan	pascakemerdekaan
anti-merokok	antimerokok
berkerjasama	bekerjasama
motorbot	motobot
mengulangkaji	mengulang kaji
urusetia	urus setia
gambarajah	gambar rajah
bandaraya	bandar raya
kecermerlangan	kecemerlangan
keseronokkan	keseronokan
pra-kemerdekaan	prakemerdekaan
mempedayakan	memperdayakan
memperdulikan	mempedulikan
apartment	apartmen
berjogging	berjoging

CORPORAL PUNISHMENT?

Oleh: Lt Mohd Fairin Nasley bin Mohamed Sohimi TLDM
MK TL – PROTELA



Benar kata pepatah, terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya. Apabila diri mula dikuasai marah, segala kata kesat pasti laju meluncur dari bibir sehingga meninggalkan kesan mendalam kepada si pendengar, tidak kiralah sama ada ia ditujukan secara sengaja atau tidak. Kata-kata kesat tersebut boleh dianggap sebagai suatu penderaan kepada sesetengah pihak.

Kes penderaan merupakan kejadian yang jarang-jarang kita dengar dalam perkhidmatan TLDM. Ini kerana *the Navy People* memahami apa yang dimaksudkan dengan Pelan Strategik PS 1320 iaitu warga yang bermotivasi dan mengwujudkan modal insan yang bermoral tinggi dan bersemangat.

Namun begitu, masih terdapat segelintir pegawai dan anggota yang tidak memahami serta membuat peraturan sendiri memiliki 'kuasa sementara' menjatuhkan hukuman terhadap pegawai atau anggota bawahan/baru dengan memberi sebarang jenis hukuman yang menjurus kepada penderaan bukannya peringatan. *Corporal punishment* merupakan satu kaedah mendenda yang melibatkan kesakitan kepada mangsa.



Terdapat juga kes penderaan yang melibatkan ugutan untuk mendapatkan peralatan/barangan. Istilah 'POW' sudah menjadi sinonim dengan kerjaya sebagai seorang anggota tentera di mana ia semestinya berlaku. Kadang kala terdapat segelintir pegawai atau anggota yang cuba 'POW' dengan kuantiti yang luar jangkaan/banyak sehinggakan mangsa tidak mampu untuk menunaikan permintaan mereka. Ini secara tidak langsung boleh mendorong mangsa bertindak luar kawalan atau melakukan perkara negatif seperti mencuri, Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC), dan sebagainya.

Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga. Pelandok selalu lupa jerat tetapi jerat tidak lupa pelandok. Kejayaan Pegawai Penyiasat Provos Tentera Laut (PROTELA) dalam melaksanakan prosedur penyiasatan jelas memberi impak besar dalam membasmi dan mencegah isu penderaan dalam kalangan *the Navy People*. Sekiranya berlaku kesalahan, tertuduh boleh disabitkan di bawah Seksyen 81(a) Akta Angkatan Tentera 1972 iaitu Menganiayai Seorang Pegawai Yang Kurang Kanannya. Mangsa dialu-alukan menghubungi PROTELA sekiranya perkara seperti ini berlaku.

AUDIT BADSA 2013

'Lesson Learnt'

Oleh: Lt Kdr Chuah Lewkern TLDM
MK TL – BPS

Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA) adalah suatu bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan audit ke atas sesuatu markas atau unit untuk memastikan tatacara dan peraturan yang sedia ada sentiasa dipatuhi dalam menjalankan kerja seharian mereka. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 13 Markas dan Unit TLDM terlibat dengan audit ini. Jenis pengauditan yang dilaksanakan merangkumi Audit Pengurusan Kewangan, Kajian Audit Kerja-kerja Kecil/Pembaikan (Bangunan/Prasarana) dan Kajian Audit Terhadap Pengurusan Peralatan Latihan.

Hasil daripada audit tersebut, sebanyak 21 kes teguran yang ditemui berkaitan dengan pecah kecil, 5 kes berkaitan dengan tidak mematuhi arahan/tatacara perolehan, 15 kes berkaitan dengan senggaraan kecil tanpa melalui agensi pelaksana, 9 kes berkaitan dengan perolehan aset dan 12 kes berkaitan dengan pengurusan aset.

Kes **pecah kecil** terdiri daripada pecah kecil senggaraan, perolehan bekalan/ perkhidmatan dipecah kecilkan dan perolehan secara sebutharga dipecah kecilkan.

Teguran 'pecah kecil senggaraan' adalah seperti kerja senggaraan yang sepatutnya dipakejkan untuk diurus secara Sebutharga telah dipecah kecil mengikut Objek Sebagai supaya dapat dilaksanakan secara Pembelian Terus. Selain itu, terdapat juga PTJ yang melaksanakan kerja senggaraan di dalam bangunan yang sama melebihi RM20 ribu tanpa melalui Jawatankuasa Sebutharga.

Kes 'perolehan bekalan/perkhidmatan dipecah kecilkan' adalah seperti melakukan pecah kecil pembelian peralatan secara Pembelian Terus. Nilai perolehan melalui cara ini biasanya adalah lebih tinggi dan merugikan pihak pembeli.

Contoh kes 'perolehan secara sebutharga dipecah kecilkan' pula adalah seperti pembekalan sesuatu item dipecah kecilkan mengikut komponen, warna, saiz dan sebagainya yang akan mengakibatkan jumlah nilai perolehan lebih tinggi.

Seterusnya, kes **tidak mematuhi arahan/ tatacara perolehan** adalah seperti spesifikasi kerja serta butiran bekalan tidak dinyatakan/dilampirkan, arahan perolehan secara sebutharga tidak dipatuhi, peruntukan dibelanjakan untuk tujuan lain, perolehan di luar Kontrak Pusat/Panel Pembekal dan pembatalan capaian penggunaan kad eSPKB melebihi tempoh seminggu.

Contoh kes 'spesifikasi kerja serta butiran bekalan tidak dinyatakan/dilampirkan' adalah seperti nilai kerja senggaraan dinyatakan secara *lump sum* dan tiada skop kerja disertakan. Selain itu, spesifikasi di dalam pesanan tempatan dan invois tidak jelas juga tergolong dalam kategori ini.

Kes 'arahan perolehan secara sebutharga tidak dipatuhi' pula adalah seperti tarikh tutup tidak dinyatakan di dalam Borang Sebutharga, dokumen tidak lengkap dan pembekal tidak berdaftar di bawah Kod Bidang berkaitan.

Penggunaan peruntukan *One Off* bagi bayaran restorasi sesebuah unit tergolong dalam kes 'peruntukan dibelanjakan untuk tujuan lain'. Selain itu, pembelian peralatan yang tidak melalui Kontrak Pusat/Panel Pembekal tergolong dalam kes 'perolehan di luar Kontrak Pusat/Panel Pembekal'.

Teguran 'pembatalan capaian penggunaan kad eSPKB melebihi tempoh seminggu' melibatkan kes seperti kad eSPKB anggota yang telah pencen atau bertukar keluar tidak dikemaskini dalam sistem, peranan serta had capaian Kad Pintar tidak mengikut Surat Perwakilan Kuasa dan kad yang telah tamat tempoh.

Contoh kes kerja-kerja senggaraan yang mengandungi perolehan aset/inventori ialah perolehan peralatan seperti penghawa dingin melalui senggaraan bangunan.

Kes **senggaraan kecil tanpa melalui agensi pelaksana** adalah seperti ‘menaik taraf/ ubah suai kerja elektrikal’ dan ‘perolehan kerja menaiktaraf dan pembinaan baru serta kerja-kerja elektrikal melalui kerja-kerja senggaraan (OS 28000)’ tanpa merujuk kepada JKR.

Seterusnya, kes **pengurusan aset** melibatkan aset yang tidak dilabelkan, pemeriksaan/verifikasi stok bagi aset hidup tidak dijalankan, peralatan yang dibeli tidak digunakan, pembaikan dan penyelenggaraan peralatan yang rosak tidak dilaksanakan, peralatan yang rosak atau tidak ekonomi dibaiki (TEB) tidak dilupuskan dan harta modal/bekalan yang diterima tidak menepati spesifikasi seperti dalam pesanan tempatan.

Setelah analisis dilakukan, beberapa **punca** telah berjaya dikenalpasti. Antaranya ialah kelemahan dalam pemantauan dan kawalan dalaman, tiada budaya merancang dalam perolehan, perolehan secara pecah kecil melalui pembelian terus untuk mengelakkan proses sebutharga, kegagalan merancang perolehan/senggaraan dengan teliti yang mengakibatkan perolehan dilaksanakan secara ad-hoc dan salah tafsiran pemahaman terhadap istilah pecah kecil.

Oleh yang demikian, implikasinya ialah ketirisan dalam pengurusan kewangan, pembaziran wang awam dan perolehan/ perbelanjaan tidak mengikut keutamaan serta keperluan sebenar.

Antara tindakan yang boleh diambil untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti ini daripada berulang ialah mewujudkan kontrak bagi pembelian terus yang mempunyai nilai tinggi dan berulang bagi mengelakkan unsur pecah kecil. Arahan berkaitan langkah-langkah kawalan dan pemantauan perolehan juga perlu dikeluarkan.

Selain itu, kerja-kerja senggaraan yang melebihi had kuasa PTJ perlu dibuat melalui Agensi Pelaksana. Dari semasa ke semasa, audit dalaman dan audit tidak terancang juga perlu dilaksanakan supaya kes-kes yang tidak diingini dapat dikenal pasti. Akhir sekali, semakan dan pemantauan pengeluaran pesanan tempatan perlu dilaksanakan secara bulanan dan dilaporkan kepada Pengurus Program.

Kesimpulannya, langkah-langkah yang dicadangkan ini perlu dipandang serius dan dilaksanakan supaya teguran-teguran seperti ini tidak berulang. Semua warga perlu mengambil iktibar dan pengajaran daripada teguran ini serta tidak mengulanginya pada masa akan datang. Kita perlu bertanggungjawab dalam memastikan agar teguran audit BADSA ke atas Markas dan Unit TLDM dapat diminimumkan bagi tahun-tahun yang akan datang.

PEREKAYASAAN KEUTUHAN TADBIR URUS TLDM

Oleh: Lt Kdr Mat Salleh bin Othman TLDM
MK TL – BPS

Laporan insiden kehilangan, ketirisan, kerosakan dan ketidakpatuhan sering berlaku di dalam TLDM. *Trend* dan kekerapan berlakunya sesuatu insiden secara berulang menunjukkan bahawa markas dan unit tidak mematuhi ataupun melaksanakan garis panduan yang dikeluarkan dengan berkesan. Justeru, untuk memantapkan keutuhan pengurusan tadbir urus TLDM dengan lebih berkesan dan seragam secara berterusan, pendekatan Audit Tidak Terjangka (ATT) telah dilaksanakan oleh semua markas dan unit. ATT akan memudahcara organisasi mengesan sebarang isu/permasalahan dengan cepat dan membolehkan ia ditangani dengan serta merta.

Berdasarkan pelaksanaan ATT suku pertama 2014 bagi Markas dan Unit TLDM, terdapat sebanyak 29 penemuan . Penemuan tersebut terdiri daripada 2 penemuan berkaitan sistem & prosedur kerja, 1 penemuan berkaitan nilai murni & kod etika, 25 penemuan berkaitan kawalan dalaman dan 1 penemuan berkaitan tindakan pengesanan, punitif & pemulihan.

Didapati penemuan yang paling tinggi adalah berkaitan kawalan dalaman. Daripada 25 penemuan ini, 28% daripadanya untuk kategori pengurusan aset, 16% kategori keselamatan fizikal, 8% kategori keselamatan senjata kecil, peluru & bahan letupan dan 12% masing-masing untuk kategori pengurusan kewangan, pengurusan hospitaliti & katering, amalan 5S dan pengurusan dokumen.

Contoh penemuan dalam kategori pengurusan aset adalah seperti prosedur kerja pembaikan tidak dipatuhi, buku permohonan alat ganti tidak dikemaskini, prosedur pengurusan aset tidak dipatuhi dan peralatan BER tidak dilupuskan.

Contoh penemuan dalam kategori keselamatan fizikal adalah seperti gedung senjata tidak dilengkapi sistem penggera kecemasan & pengesan asap, kamera litar tertutup & lampu limpah di balai pengawal tidak mencukupi dan gedung senjata tidak mempunyai ruang kaunter untuk urusan pengeluaran dan penerimaan senjata. Selain Itu, prosedur pengurusan senjata kecil, peluru & bahan letupan juga tidak dipatuhi.

Selain itu, perolehan perkhidmatan secara pecah kecil merupakan contoh kepada ketidak patuhan prosedur pengurusan kewangan. Manakala dokumentasi peralihan tidak dikemaskini, buku latihan komunikasi tidak dikemaskini dan prosedur pengurusan buku tidak dipatuhi merupakan contoh penemuan kategori pengurusan dokumen.

Contoh penemuan kategori pengurusan hospitaliti & katering pula adalah seperti permohonan pengurusan sajian tidak mematuhi prosedur, anggota BDI tidak mengambil vaksin TAB dan prosedur pengurusan rangsum tidak dipatuhi. Akhirnya, contoh penemuan untuk kategori amalan 5S ialah pelaksanaan 5S tidak menyeluruh atau tidak dipatuhi.

Penemuan-penemuan yang dikenal pasti ini boleh ditangani secara berkesan dengan memberi keutamaan kepada kepatuhan prosedur yang telah dikeluarkan sama ada di peringkat TLDM, ATM dan Kerajaan. Semua Markas dan Unit perlu memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini dalam merealisasi serta memastikan kecemerlangan TLDM dapat dikekalkan seterusnya memacu TLDM ke arah **Tentera Laut Bertaraf Dunia**.

GUNALAH E-ADUAN

Oleh: Lt Kdr Mohd Shah Rizan bin Md Yasin TLDM
MK TL – BPS

Pengurusan aduan merupakan salah satu elemen penting untuk meningkatkan hubungan dengan pelanggan. Pengurusan aduan juga merupakan salah satu elemen dalam Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Keutuhan dan Tadbir Urus (JKTU) yang keempat iaitu Pengurusan Pelanggan. TOR 4 ini menyatakan bahawa sistem pengurusan pelanggan perlu diwujudkan supaya kelihatan cekap, peka, mesra dan responsif terhadap kehendak pelanggan dalam dan luar.

Bagi menyahut seruan kerajaan dan menjayakan TOR JKTU 4, TLDM telah mewujudkan Sistem Pengurusan Aduan TLDM yang bertujuan untuk menguruskan aduan pelanggan dalaman dan luaran dengan lebih sistematik, cekap dan efisien. TLDM telah mewujudkan perkhidmatan e-Aduan yang boleh dicapai melalui Portal Rasmi TLDM. Perkhidmatan ini dibangunkan sebagai medium untuk mengemukakan aduan seperti berikut:

- ✓ Salah laku integriti dan tadbir urus.
- ✓ Keadaan persekitaran dan kemudahan awam yang mengancam keselamatan organisasi dan peribadi.
- ✓ Ketidakpuasan terhadap kelemahan perkhidmatan kaunter.
- ✓ Kelemahan penguatkuasaan dan pelanggaran disiplin.
- ✓ Ketidakpuasan hati individu terhadap organisasi.

Kegagalan menangani kehendak pelanggan sama ada *stakeholders*, pelanggan luar dan pelanggan dalaman boleh mengakibatkan kementerian, jabatan dan agensi dilihat sebagai gagal memenuhi peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Pengurusan pelanggan yang strategik dan berkualiti memperlihatkan penambahan nilai dan pembaharuan berterusan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan

Dengan pembangunan Sistem Perkhidmatan e-Aduan, diharapkan ia dapat dimaksimumkan penggunaannya agar menjadi satu medium komunikasi yang efektif. Ianya juga menggalakkan *whistle blower* di samping membudayakan konsep warga berintegriti dan meyokong seruan kerajaan menjayakan konsep *Good Governance and Integrity* (G&I).

Melalui *whistle blower*, setiap aduan akan disiasat dengan serius, adil dan saksama. **Identiti pengadu dijamin kerahsiaannya** daripada mana-mana pihak yang tidak berkenaan. Tindakan tatatertib tidak akan diambil terhadap pengadu yang secara jujur dan suci hati melaporkan sebarang aduan, laporan atau maklumat yang pada pendapat dan sangkaannya benar-benar berlaku.

Secara keseluruhanya, sistem perkhidmatan e-Aduan ini didapati telah memberi impak yang positif dalam membantu meningkatkan prestasi perkhidmatan TLDM. Warga TLDM sentiasa digalak menggunakan perkhidmatan ini dan semua aduan akan disiasat setelus yang mungkin.

SISTEM BIOMETRIK

Oleh: LK PAP Shah Rulhiszuan bin Ali
PROTELA Kuantan

Biometrik merupakan kaedah untuk mengecam individu berdasarkan ciri-ciri biologi dan tingkah laku individu tersebut. Ciri-ciri biologi dan tingkah laku individu seperti cap jari, tapak tangan, anak mata, suara, muka dan sebagainya telah digunakan untuk mengenal pasti seseorang individu sejak dahulu lagi.

Di Malaysia, teknologi biometrik juga telah dimanfaatkan oleh banyak agensi sektor awam dan swasta dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan mereka. Antara aplikasi yang menggunakan teknologi biometrik adalah MyKad sebagai dokumen pengenalan warga Malaysia dan *Automated Fingerprint Identification System* bagi mengenal pasti identiti warga Malaysia melalui pengesanan cap ibu jari.

Cap Jari

Teknik imbasan cap jari menggunakan imej optik atau *electronic field imaging* adalah untuk mengenal pasti identiti individu melalui *pattern-matching* iaitu cap jari. Imbasan cap jari individu akan dibandingkan dengan templat cap jari yang disimpan di dalam sistem data. Kaedah biometrik ini mempunyai tahap ketepatan yang tinggi kerana setiap individu mempunyai cap jari yang berbeza-beza. Kaedah ini telah digunakan bagi pengesahan identiti individu dan mengenal pasti penjenayah.



Mata

Teknik imbasan mengesan anak mata pula menggunakan ciri-ciri imej anak mata yang unik. Alat pengimbas mata akan mengambil foto mata yang beresolusi tinggi dan merekodkan data tersebut. Data ini seterusnya akan ditukarkan kepada algoritma dan dibandingkan dengan karakter dan bentuk anak mata yang telah direkodkan. Kaedah ini sesuai digunakan untuk akses lokasi-lokasi yang diistiharkan sebagai kawasan larangan atau kawasan lain yang memerlukan kawalan keselamatan yang tinggi.

Muka

Teknologi biometrik ini menggunakan imbasan imej muka iaitu reka bentuk muka sebagai pengesahan identiti seperti kedudukan hidung, mata, dagu dan mulut. Sistem ini akan mengenal pasti muka dan seterusnya akan membuat analisis ke atas data serta membandingkannya dengan templat muka yang terdapat di dalam kad pintar atau pangkalan data. Dari segi ketepatan pula, kaedah ini adalah kurang tepat dan tidak berkesan jika imej muka yang diimbas diambil dari sudut yang berlainan. Kaedah ini agak sesuai digunakan bagi mengesan penjenayah, terutamanya di kawasan-kawasan tumpuan orang awam seperti di lapangan terbang dan sebagainya.

Suara



Sistem imbasan suara biasanya dilakukan melalui cara rakaman suara dan seterusnya akan disimpan dalam komputer untuk jangka masa tertentu. Kaedah ini bertujuan mengenal pasti suara individu yang direkodkan dengan cara percakapan serta frekuensi setiap perkataan. Sistem yang baik akan dapat mengenal pasti suara percakapan walaupun berubah, contohnya serak. Kaedah ini sesuai digunakan bagi aplikasi yang banyak berinteraksi dengan suara. Antaranya, seperti syarikat-syarikat perbankan dan pengenalpastian pelanggan bagi perkhidmatan panggilan oleh operator.

Selain daripada kaedah pengesahan biometrik yang telah dinyatakan di atas, terdapat beberapa kaedah lain yang tidak dikomersialkan, antaranya adalah pengecaman cara berjalan dengan merekodkan cara seseorang individu melangkah, jarak luas setiap langkah, kelajuan berjalan dan masa kitaran. Kaedah-kaedah pengecaman lain termasuk imbasan suhu tangan yang, imbasan suhu wajah muka, pengecaman pergigian dan pengecaman struktur telinga.

Kebaikan Sistem Biometrik

Sistem biometrik mempunyai kelebihan berbanding dengan kaedah pengesahan lain kerana ciri-ciri biologi seseorang individu adalah unik dan tidak sama antara satu sama lain. Berbanding dengan kaedah lain seperti *Personnal Identification Number* (PIN) ataupun kata laluan, kaedah biometrik sukar ditiru dan ini dapat menyukarkan pemalsuan identiti. Kaedah biometrik juga tidak memerlukan pengguna mengingati nombor pin atau kata laluan.

Kesemua sistem biometrik ini mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing bergantung kepada kegunaan. Teknologi ini harus diaplikasikan dan digunakandalam kehidupan seharian supaya manafaat dapat diguna bersama.

Kelemahan Sistem Biometrik

Faktor fizikal dan perubatan juga boleh mempengaruhi penggunaan dan ketepatan sistem biometrik. Contohnya, individu yang cacat penglihatan mengalami kesulitan untuk menyelaraskan kedudukan mata dengan kamera bagi sistem biometrik iris, manakala pesakit sendi sukar untuk meletakkan ibu jari tangan di posisi sebenar alat pembaca. Ini juga termasuk semua jenis pembedahan yang akan mengubah struktur asal ciri pengesanan seperti muka, mata, tangan dan lain-lain. Ada juga sesetengah individu yang merasakan penggunaan data biometrik adalah bertentangan dengan hak privasi. Data-data biometrik yang diperoleh boleh juga digunakan untuk tujuan lain yang tidak diketahui oleh pemiliknya.

PENJAGAAN MATA

Oleh: Lt Faizul Fikry bin Md Nawi TLDM
KD MAHAWANGSA

Penggunaan komputer yang meluas kini bagai isi dan kuku, di mana penggunaannya menjadi satu keperluan harian dalam menyelesaikan kerja-kerja tertentu. Namun, tahukah anda bahawa penggunaan komputer yang berterusan tanpa pengawalan mampu memberi impak besar kepada kesihatan mata kita? Kajian mendapati 25% sehingga 93% pengguna komputer mengalami simptom-simptom yang dikaitkan dengan penggunaan komputer.

Artikel ini bertujuan memberi pendedahan tentang cara-cara penjagaan mata yang mudah dan praktikal serta dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Langkah pertama penjagaan kesihatan mata adalah dengan melakukan pemeriksaan mata. Pemeriksaan perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun. Langkah ini amat penting bagi mengenal pasti tahap penglihatan dan kesihatan mata. Setelah ia dilaksanakan, barulah kita dapat mengaplikasikan tindakan yang bersesuaian dengan tahap kesihatan mata kita dan langkah pencegahan dapat diambil.

Faktor ergonomik juga memberi sumbangan besar dalam penjagaan kesihatan mata. Ergonomik dalam konteks ini memberi maksud reka bentuk dan susun atur suasana tempat kerja yang paling sesuai. Susunannya perlulah sesuai dengan fizikal pengguna dan mampu memberi pengguna postur yang baik. Monitor dijarakkan dalam ukuran setengah depa. Kata kunci kepada kesesuaian jarak adalah kedudukan siku berada dalam sudut 100° sehingga 110° dengan pergelangan tangan berada dalam keadaan lurus. Kedudukan duduk juga perlulah selesa sehingga belakang kita dapat bersandar pada kerusi. Ini bermakna ketinggian kerusi perlu disesuaikan di mana lutut berada dalam keadaan selaras atau rendah sedikit daripada pinggul.

Selain itu, kawalan pencahayaan juga penting dalam mengurangkan kesan buruk penggunaan komputer terhadap kesihatan mata. Sumber cahaya perlulah berada di lokasi yang sesuai agar dapat membekalkan cahaya yang tepat di samping mengurangkan silauan pada skrin komputer. Punca silauan pada skrin juga perlu diselidik. Kebiasaanya, ia berpunca daripada silauan cahaya matahari. Elakkan mengunakan komputer di tepi tingkap dan jika perlu, tutup tingkap tersebut dengan langsir. Aplikasikan pelbagai kaedah bagi mengurangkan silauan seperti mengubah posisi monitor, penggunaan *filter*, penggunaan lampu pejabat yang mempunyai intensiti rendah dan mengubah *setting* kecerahan atau kontras.

Penggunaan komputer yang berterusan juga menjadi faktor pemangkin kerosakan mata. Secara dasarnya, setiap anggota tubuh kita memerlukan rehat yang secukupnya bagi membolehkan anggota berfungsi pada tahap yang optimum. Begitu juga dengan mata. Ambil masa untuk berehat dalam kadar 1 sehingga 2 minit untuk setiap 30 minit bekerja. Jika perlu, cuba bangun dan berjalan-jalan sekeliling pejabat setiap 2 hingga 3 jam bekerja. Ketika berehat, lakukan senaman mata dengan memandang objek yang jauh satau mengelipkan mata secara perlahan-lahan. Ulangi kaedah ini sebanyak 4 hingga 5 kali. Melalui senaman ini, regangan terhadap otot-otot tersebut dapat diseimbangkan dan menjadi lebih stabil.

KESIHATAN

Kesimpulannya, walaupun pengggunaan komputer penting seiring dengan kemajuan teknologi dalam era globalisasi masa kini, namun kita juga perlu akur dengan kemampuan tubuh badan kita yang memerlukan rehat yang mencukupi untuk menyempurnakan tugasan harian. Langkah-langkah pencegahan perlulah diambil untuk menjaga kesihatan tubuh badan kita di samping menghasilkan suatu mutu kerja yang berkualiti tinggi dan efektif dalam merealisasikan visi dan misi TLDM ke arah “Tentera Laut Bertaraf Dunia”.

RAWATAN KECEMASAN

Oleh: Lt Dya Mohd Firdaus bin Saidi TLDM
UPS TLDM Lumut

Pertolongan cemas atau bantuan awal yang diberikan kepada mangsa sangat penting dalam membantu menyelamatkan nyawa mangsa. Bulan Sabit Merah Malaysia menyatakan pertolongan cemas ditakrifkan sebagai bantuan atau rawatan awal yang diberikan kepada seseorang yang mengalami kecederaan dalam sebarang kemalangan atau sakit secara mengejut sebelum ketibaan ambulans, doktor atau pakar perubatan, sebelum mangsa dihantar ke hospital. Rawatan kecemasan ini sangat penting lebih-lebih lagi bagi warga TLDM yang sentiasa bekerja di dalam keadaan yang berisiko tinggi. Oleh itu, pengetahuan tentang rawatan kecemasan ini perlu diterapkan ke dalam sanubari setiap warga TLDM supaya ia boleh dipraktikkan sekiranya terjadi kejadian yang tidak diingini di tempat kerja.



Bantuan pernafasan, dalam kebanyakkan kes kecemasan, kaedah Pemulihan Kardio Pulmonari (PKP) amat penting diberikan kepada mangsa. Ia bertujuan mencegah kerosakan otak sebelum menerima bantuan perubatan. PKP mempunyai dua matlamat iaitu mengekalkan aliran darah ke seluruh anggota badan dan mengekalkan aliran udara masuk dan keluar ke paru-paru. PKP adalah teknik mudah yang hanya memerlukan peralatan minimum. Anda hanya perlu memberi tiupan ke dalam mulut mangsa untuk menolak masuk udara beroksigen ke dalam paru-paru. Seterusnya, beri tekanan di dada mangsa untuk membolehkan darah mengalir di dalam badan.

Langkah-langkah rawatan kecemasan perlu dibaca dan difahami agar sedikit sebanyak akan membantu seseorang itu apabila berhadapan dengan sesuatu kemalangan di tempat kerja. Sekiranya setiap warga TLDM mempunyai pengetahuan tentang rawatan kecemasan ini, secara tidak langsung kita telah maju selangkah ke hadapan bagi menuju visi TLDM iaitu menjadi *World Class Navy*.

***Danger* (bahaya)**

Bahaya ditakrifkan sebagai kadar risiko yang boleh menyebabkan kemalangan di tempat kerja. Ia berpunca daripada sebab-sebab tertentu yang boleh dielakkan dengan melihat jika ada sebarang tanda bahaya dan pastikan keselamatan anda dan mangsa anda terpelihara dengan mengalihkan bahaya daripada mangsa atau mengalihkan mangsa daripada bahaya.

***Response* (tindak balas)**

Periksa tindak balas mangsa dengan mengejutkan mangsa melalui cara tepuk bahu dan jeritkan sesuatu kepadanya. Selepas itu, letakkan mangsa berbaring terlentang di atas permukaan yang padat dan jika tiada tindak balas, hubungi ambulan dengan segera.

***Airway* (saluran pernafasan)**

Lakukan teknik ‘angkat dagu dan dongak kepala’ untuk membuka saluran pernafasan mangsa secara mendongakkan kepala dengan satu tangan, manakala dagunya diangkat dengan sebelah tangan lagi. Periksa lidah mangsa sekiranya ia mengganggu laluan pernafasannya. Alihkan lidah mangsa jika ia menghalang pernafasan.

***Breathing* (pernafasan)**

Dekatkan pipi anda dengan hidung dan mulut mangsa sambil lihat ke arah dada mangsa. Lihat, dengar dan peramati kadar pernafasan mangsa selama 5 sehingga 10 saat. Jika tiada pernafasan, picit hidung mangsa sehingga tertutup dan beri dua hembusan penuh ke dalam mulutnya, selang 2 saat setiap hembusan.

***Circulation* (peredaran darah)**

Jika terdapat simptom-simptom di luar kebiasaan dalam pernafasan, batuk atau sebarang pergerakan pada mangsa, mulakan tekanan ke dada mangsa. Letakkan tangan anda di tengah dada atau tulang sternum (ulu hati) mangsa dan tekan ke dalam (antara 1.5 hingga 2 inci atau 5 sentimeter) sebanyak 15 kali pada kadar 80 sehingga 100 kali seminit dengan kiraan 1 sehingga 30. Teruskan dengan 2 hembusan ke mulut mangsa dan 30 kali tekanan sehingga bantuan perubatan tiba.



PERANAN IBU BAPA MENANGANI MASALAH SOSIAL REMAJA

Oleh: Lt Dya Ahmad Firdaus bin Ahmad Tarmizi TLDM
UPS TLDM LUMUT

Gejala sosial di kalangan remaja tidak lagi asing pada masa kini. Isu pergaulan tanpa batasan, penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah dan lumba haram semakin menular. Kajian menunjukkan bahawa punca utama berlakunya masalah sosial ini adalah kerana berlakunya konflik di antara ibu bapa dan remaja. Kajian menunjukkan remaja yang mempunyai masalah di rumah lebih cenderung terlibat dengan masalah sosial. Gaya hidup bebas dan persekitaran moden pada masa kini turut menjadi faktor penyumbang kepada peningkatan kes gejala sosial.

Konflik yang dimaksudkan adalah percanggahan pendapat terhadap sesuatu perkara. Konflik di antara remaja dan ibu bapa wujud apabila dua generasi ini memandang kehidupan daripada sudut yang berbeza. Hal-hal yang dirasakan penting oleh remaja dianggap tidak penting bagi ibu bapa. Berikut adalah antara faktor-faktor wujudnya konflik di antara ibu bapa dan remaja:

Percanggahan ideologi: Ibu bapa kurang memahami perkembangan anak-anak khususnya daripada segi pemikiran dan kematangan golongan remaja. Ibu bapa perlu menyelami permasalahan mereka dan cuba berkongsi pendapat dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Peredaran zaman mewujudkan satu jurang pemikiran yang berbeza di antara ibu bapa dan remaja.

Penerimaan pandangan: Ibu bapa sering menganggap semua perkara yang diungkapkan benar tanpa mendengar buah fikiran yang dikemukakan oleh remaja. Remaja perlu diberi peluang untuk menzahirkan permasalahan mereka. Terdapat ibu bapa yang menganggap keputusan mereka adalah muktamad. Ini menjatuhkan semangat remaja untuk berdikari dan menjadi matang dalam membuat keputusan.

Tuntutan kebebasan: Remaja kini memerlukan kebebasan dari pada kawalan ibu bapa. Kebebasan yang dimaksudkan adalah kebebasan memilih dan membuat keputusan terhadap sesuatu perkara.

Harapan terlalu tinggi: Ibu bapa sering meletakkan harapan yang terlalu tinggi yang mendatangkan tekanan emosi kepada remaja. Fikiran remaja akan tergangu kerana sering memikirkan risiko yang bakal dihadapi sekiranya gagal.

Kurangnya pengawasan ibu bapa: Ibu bapa moden kini dilihat terlalu menumpukan masa dan perhatian terhadap kerjaya sehingga mengabaikan masa bersama keluarga. Remaja lebih cenderung berada di luar rumah bersama rakan-rakan sebayanya dan berkongsi masalah. Ibu bapa pula tidak mengawasi pergerakan anak-anak mereka dan dengan siapa mereka berkawan.

Peranan ibu bapa merupakan perkara asas dalam membentuk remaja. Gejala sosial ini perlu dibendung dari mula. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa memastikan anak remaja mereka bebas daripada gejala sosial. Ini jelas dinyatakan oleh Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud "Anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kedua-dua ibu bapanyalah yang akan menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi". Peranan yang dimainkan oleh ibu bapa sangat penting dan keluarga perlu menjadi satu persekitaran yang harmoni. Corak perhubungan keluarga dalam memberi sokongan dan kemesraan kepada setiap ahli keluarga adalah penting. Peruntukan masa bersama-sama memberi peluang kepada ibu bapa menyelami masalah anak remaja mereka. Penerapan nilai-nilai dan modal insan yang mantap menjadi batu asas ke arah pembinaan perwatakan remaja.

BANGGA BERKHIDMAT
(LAGU NILAI TERAS TLDM)

Berteraskan 4 nilai murni
Jadi pemangkin misi dan visi
Menjana tekad untuk berbakti
Bangga berkhidmat sentiasa disegani

Kemuliaan, berhati luhur
Kesetiaan, patuh dan taat
Keberanian, sedia berkorban
Kebanggaan, rela berkhidmat

Ikrar kami sekata
Berkhidmat dengan bangga
Capai wawasan mulia
Tentera laut bertaraf dunia

Pergi mendaki Gunung Daik
Hendak menjerat kancil dan rusa
Kerja ikhlas amalan yang baik
Elok diamalkan sepanjang masa